



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 (27)
Tarikh : 1 Januari 2020

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN JANM NEGERI KEDAH BIL.1 TAHUN 2020
KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2019, Jabatan ini telah menjalankan proses memuat naik kadar kenaikan Bantuan Sara Hidup (Kod 1362) sebanyak RM50 dan kadar kenaikan potongan bagi Pulangan Balik BSH Kwarters (Kod 4548) sebanyak RM25 kepada semua pegawai yang berkeelayakan. Kedua-dua kenaikan ini boleh disemak di *Recurring Allowance* bagi Kod 1362 dan *Recurring Deductions* bagi Kod 4548 dalam modul HCM.
3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan adalah dikehendaki untuk menyemak semula perubahan berkenaan untuk setiap pegawai di jabatan tuan dan membuat sebarang pelarasan atau perubahan sekiranya terdapat sebarang ralat. Pihak tuan juga dikehendaki untuk menyediakan Kew.8 bagi tujuan rekod di Buku Rekod Perkhidmatan.
4. Pihak tuan dikehendaki untuk membuat pelarasan atau pembayaran kepada pegawai yang tercicir (jika berkenaan) pada perubahan gaji bulan Februari 2020.
5. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROHANI BINTI CHE MIE C.A.M.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Kedah

Tel : 04-7001000 samb. 103

Emel : pneg_kdh@anm.gov.my